

BAB

KETIGA

BAB KETIGA

ANALISIS CORAK PEMILIHAN PASANGAN DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI BESUT

1.1 Pendahuluan

Penulis melakukan penganalisan ini dengan menggunakan kaedah atau metod yang difikirkan sesuai dengan kajian ini. Kajian ini merupakan suatu penyelidikan yang memerlukan pemerhatian dan penulis juga perlu melakukan soal selidik kepada responden untuk memastikan analisa yang dibuat dapat menghasilkan suatu rumusan yang betul berdasarkan fakta dan data kajian.

Untuk itu penulis telah melakukan *pilot research* iaitu penyelidikan awalan dengan mengedarkan borang kaji selidik kepada hampir satu peratus daripada keseluruhan rakyat Terengganu, negeri bagi daerah tumpuan kajian ini iaitu 900 orang responden. Bagi memudahkan borang tersebut diedarkan penulis telah meminta bantuan daripada sembilan orang rakan-rakan iaitu setiap orang mewakili seratus orang untuk diedarkan. Hasil dari kerjasama dan keprihatinan mereka dan para responden semua borang dapat dikembalikan.

Selepas daripada itu penulis mengedarkan borang kepada 750 borang bagi bilangan besar rakyat Besut. Jumlah ini dirasakan telah memadai bagi mendapat

maklumat serta gambaran yang benar bagi mewakili keseluruhan masyarakat di daerah ini.

Bagi mengetahui gambaran sebenar berkenaan corak atau kriteria pemilihan pasangan di kalangan masyarakat Islam di Besut, penulis telah melakukan kajian melalui metod soal selidik. Di samping itu penulis juga membuat tinjauan melalui metod pemerhatian (observasi) serta menemubual beberapa responden tertentu seperti pakar sakit puan (O&G), pegawai agama, pakar dalam bidang agama dan lain-lain.

Dalam kajian soal selidik, penulis telah mengedarkan 750 borang kepada responden merangkumi semua golongan iaitu remaja, dewasa dan golongan tua. Bagaimanapun daripada jumlah borang yang di nyatakan di atas hanya 450 sahaja dikembalikan.

Bagi menganalisa data dengan tepat, penulis turut mengambil kira latar belakang responden yang melibatkan jantina, tahap umur, taraf kehidupan penduduk, pekerjaan dan tahap pendidikan.

3.2 Latar Belakang Responden

Jadual 3.2.1: Kategori Jantina Dan Umur

Bil	Peringkat Usia	Jantina		Jumlah
		Perempuan	Lelaki	
	Remaja : (18-24)	85 : (18.9%)	90 : (20.0%)	175 : (38.8%)
	Dewasa : (25-45)	70 : (15.6%)	90 : (20.0%)	160 : (35.6%)
	Tua : (46 tahun ke atas)	55 : (12.2%)	60 : (13.3%)	115 : (25.6%)
JUMLAH		210 : (46.7%)	240 : (53.3%)	450 : (100%)

Sumber: Borang soal selidik

Berdasarkan jumlah responden di atas, data menunjukkan perbezaan bilangan lelaki dan perempuan tidak begitu ketara, di mana jumlah perempuan hanya melebihi 10 orang sahaja iaitu 6.6% daripada lelaki.

Jadual di atas membuktikan bilangan yang hampir seimbang di antara lelaki dan perempuan, bertujuan untuk mendapatkan hasil atau keputusan yang saksama.

Penulis membahagikan borang kaji selidik kepada semua peringkat umur untuk mengetahui perbezaan corak pemilihan pasangan di kalangan mereka.

Merujuk kepada jadual di atas, jumlah responden remaja adalah seramai 175 orang, dewasa seramai 160 orang dan golongan tua seramai 115 orang. Sasaran utama penulis adalah golongan remaja kerana pada peringkat usia inilah mereka sedang mencari pasangan. Sudah pasti setiap orang mempunyai kriteria pasangan

yang diimpikan. Jadi melalui soal selidik penulis dapat mengetahui samada terdapat persamaan dan perbezaan kriteria yang dipilih di kalangan mereka.

Sementara golongan dewasa dan orang tua pula mereka telah melalui peringkat pemilihan pasangan dan telah berkahwin. Kajian terhadap mereka adalah bertujuan untuk mengetahui kriteria-kriteria pilihan mereka serta natijahnya disamping mendapatkan gambaran terhadap pemilihan yang sewajarnya. Penulis juga ingin mengetahui apakah kriteria yang diutamakan dalam memilih bakal menantu atau pasangan bagi anak-anak mereka.

Hasil kajian membuktikan terdapat perbezaan pemikiran pada tahap usia yang berbeza dan pemikiran ini mempengaruhi corak pemilihan mereka. Selain umur,antina juga turut mempengaruhi perbezaan pemilihan.

Jadual 3.2.2 : Tahap Pendidikan

Bil	Pendidikan	Bilangan responden	Peratus (%)
1	Ijazah	91	20.2
2	Diploma	95	21.1
3	Sekolah Menengah	60	13.3
4	Sekolah Rendah	59	13.1
5	Pondok	95	21.1
6	Tidak Bersekolah	50	11.1
	JUMLAH	450	100

Sumber: Borang Soal Selidik

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden mengikut tahap pendidikan mereka dimana responden yang berijazah seramai 91 orang (20.2%), diploma 95 orang (21.1%), sekolah menengah 60 orang (13.3%), sekolah rendah 59 orang

13.1%), pondok 95 orang (21.1%) manakala yang tidak bersekolah 50 orang (11.1%).

Mengikut maklumat di atas jumlah responden yang paling ramai ialah dari kalangan mereka yang berpendidikan diploma dan pondok kemudian diikuti dengan mereka yang berkelulusan ijazah, pendidikan sekolah menengah, rendah dan mereka yang tidak bersekolah.

Perbezaan jumlah responden mengikut tahap pendidikan disebabkan ramai di antara responden yang tidak mengembalikan borang soal selidik. Walaupun pada akhirnya penulis telah membahagikan borang tersebut dalam jumlah yang sama iaitu 25 borang bagi setiap tahap pendidikan.

Daripada jumlah borang yang dikembalikan dapat dirumuskan mereka yang berpendidikan diploma dan pondok serta ijazah lebih prihatin dan berminat dengan soal selidik yang dijalankan. Ini berdasarkan peratus ~~daripada~~ setiap golongan tersebut adalah melebihi 50% iaitu melebihi separuh daripada 125 (100%) responden.

Berbeza dengan mereka yang berpendidikan menengah dan rendah, golongan ini kurang memberikan kerjasama mungkin disebabkan mereka kurang memahami kepentingan kajian ini.

Di sini penulis membuat kesimpulan bahawa mereka yang berpendidikan dan pengetahuan agama iaitu mempunyai diploma dan lepasan pondok serta ijazah

lebih memahami tentang aspek yang berhubung dengan pemilihan pasangan dalam membentuk keluarga yang sempurna.

Jadual 3.2.3 : Status Responden

Bil	Status Responden	Bilangan	Peratus (%)
1	Berkahwin	185	41.1
2	Belum Berkahwin	155	34.4
3	Duda	45	10.0
4	Janda	65	14.5
	JUMLAH	450	100

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan responden yang telah berkahwin adalah seramai 185 (41.1%), mereka yang belum berkahwin 155 (34.4%), duda seramai 45 (10%) dan dari kalangan janda seramai 65 (14.5%).

Melihat kepada jadual di atas, penulis membuat kajian kepada responden yang belum dan telah berkahwin bagi mengetahui sejauh mana kefahaman dan kecenderungan mereka dalam membuat pemilihan pasangan. Dengan menemubual mereka yang belum berkahwin, penulis akan dapat mengetahui kriteria utama yang menjadi pilihan mereka. Sementara bagi yang telah berkahwin, selain memperolehi maklumat mengenai corak pemilihan yang dibuat, pandangan atau pendapat mereka terhadap kepentingan membuat pemilihan pasangan berdasarkan kriteria-kriteria yang patutnya dipilih dapat diketahui.

Penulis turut membuat tinjauan ke atas sebab-sebab perceraian dengan mengemukakan soalan yang berkaitan di dalam borang soal selidik. Tujuannya adalah untuk mengetahui punca utama yang menyebabkan perceraian iaitu adakah kerana dasar pemilihan yang dibuat tidak tepat atau sebaliknya.

Kesimpulannya setiap orang mempunyai kriteria pemilihannya yang tersendiri. Bagaimanapun bagi mereka yang telah berkahwin, tentu lebih memahami tentang kepentingan kriteria pemilihan yang dituntut oleh Islam. Ini disebabkan mereka telah mengalami suasana sebenar alam rumahtangga yang memerlukan kepada pasangan yang betul-betul memahami tanggungjawab masing-masing. Wanita sebagai seorang suami dan juga isteri.

3.3 Kefahaman Dan Perlaksanaan Responden Berhubung Kriteria Pemilihan Pasangan Berdasarkan Kajian Soal Selidik

3.3.1 Perbezaan Kriteria Pemilihan Mengikut Peringkat Usia.

Kematangan usia mempengaruhi corak pemikiran seseorang. Berikut adalah daripada tinjauan penulis dalam menganalisa data serta pengamatan dan pemerhatian kepada beberapa golongan iaitu remaja, dewasa dan golongan tua berkenaan dengan kriteria pemilihan pasangan, didapati corak pemikiran dan pemilihan di kalangan mereka ternyata berbeza.

Jadual 3.3.1.1 : Kriteria Pemilihan mengikut keutamaan Bagi Remaja

Bil	Kriteria Pemilihan	Jantina		Peratus (%)
		Lelaki	Perempuan	
1	Agama	12 (14.2%)	47 (52.2%)	59 (33.7)
2	Keturunan	5 (5.8%)	15 (16.7%)	20 (11.4)
3	Kecantikan	65 (76.5%)	9 (10%)	74 (42.3)
4	Harta	3 (3.5%)	19 (21.1%)	22 (12.6)
	JUMLAH	85 (100%)	90 (100%)	175 (100)

Sumber : Borang Soal Selidik

Jadual di atas memaparkan ciri-ciri pemilihan pasangan bagi golongan remaja mengikut keutamaan. Daripada empat kriteria asas yang dinyatakan didapati 59 orang (33.7%) memilih ciri agama, 20 orang (11.4%) memilih ciri keturunan, 74 orang (42.3%) memilih ciri kecantikan dan 22 orang (12.6%) memilih ciri harta.

Daripada kenyataan di atas, kecantikan merupakan pilihan utama di kalangan remaja kemudian diikuti agama, keturunan dan harta. Bagaimanapun remaja perempuan pula lebih cenderung memilih ciri agama sebagai pilihan utama diikuti keturunan, harta dan kecantikan.

Perbezaan pandangan dari sudut pemilihan mengikut keutamaan ciri di antara remaja lelaki dan perempuan mungkin disebabkan citarasa dan kepentingan mereka. Bagi remaja lelaki mereka lebih cenderung memilih pasangan berdasarkan kecantikan kerana sudah menjadi kelaziman golongan ini mudah tertarik dengan bentuk fizikal seperti rupa paras yang cantik, potongan badan yang menarik dan lain-lain lagi.

Manakala bagi remaja perempuan mereka lebih tertarik dengan ciri agama kerana dengan adanya ciri tersebut seseorang akan lebih memahami

tanggungjawabnya sebagai seorang suami serta dapat menjadi pelindung kepada isteri dan anak-anaknya. Sememangnya itulah yang diimpikan oleh setiap wanita yang bergelar isteri.

Jadual 3.3.1.2 : Kriteria Pemilihan Mengikut Keutamaan Bagi Dewasa

Bil	Kriteria Pemilihan	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1	Agama	22 (31.4%)	49 (54.4%)	71 (44.4%)
2	Keturunan	7 (10%)	5 (5.6%)	12 (7.5%)
3	Kecantikan	37 (52.9%)	6 (6.7%)	36 (27%)
4	Harta	4 (5.7%)	30 (33.35)	34 (21.2%)
	JUMLAH	70 (100%)	90 (100%)	160 (100%)

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan jadual di atas, 71 (44.3%) orang daripada golongan dewasa memilih ciri agama, 12 (7.5%) memilih ciri keturunan, 36 (27.0%) dan 34 (21.1%) memilih ciri harta.

Ciri agama menjadi pilihan utama di kalangan perempuan dewasa berlainan dengan lelaki dewasa yang mengutamakan ciri kecantikan. Bagi perempuan, ciri kecantikan adalah pilihan atau nilai selepas harta diikuti dengan ciri keturunan. Sementara lelaki menjadikan ciri agama sebagai nilai kedua selepas kecantikan diikuti dengan ciri keturunan dan harta.

Jadual 3.3.1.3 : Kriteria Pemilihan Mengikut Keutamaan Bagi Golongan Tua

Bil	Kriteria Pemilihan	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1	Agama	26 (47.2%)	10 (16.7%)	36 (31.3%)
2	Keturunan	17 (31.0%)	23 (38.3%)	40 (34.8%)
3	Kecantikan	5 (9.1%)	8 (13.3%)	13 (11.3%)
4	Harta	7 (12.7%)	19 (31.7%)	26 (22.6%)
	JUMLAH	55 (100%)	90 (100%)	115 (100%)

Sumber : Borang soal selidik

Maklumat di atas menunjukkan 36 orang (31.3%) daripada kalangan orang tua memilih ciri agama, 40 orang (34.8%) memilih keturunan, 13 orang (11.3%) memilih kecantikan dan 26 orang (22.6%) memilih ciri harta.

Jadual tersebut menunjukkan bahawa kriteria utama yang menjadi pilihan bagi golongan lelaki tua adalah agama kemudian diikuti keturunan, harta dan akhirnya kecantikan. Berbeza dengan golongan perempuan tua, golongan ini memilih keturunan sebagai kriteria utama diikuti dengan ciri lain iaitu harta, agama dan akhirnya kecantikan.

Ternyata golongan ini mempunyai pendapat yang berbeza dari sudut pilihan kriteria yang utama. Ciri agama merupakan pilihan utama golongan lelaki tua kerana mereka mahu pasangan hidup anak-anak mereka mempunyai asas agama yang teguh dan mentaati perintah Allah supaya dapat menjadi pelindung dan menjamin kebahagiaan anak-anak mereka. Kenyataan mereka ini dibuat berdasarkan hadith Rasulullah s. 'a.w yang menyarankan supaya memilih pasangan yang beragama bagi memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Manakala kecenderungan golongan perempuan tua memilih keturunan sebagai kriteria yang utama kerana mereka berpendapat dengan memilih menantu daripada kalangan keturunan yang baik, dapat menjamin kehidupan anak-anak mereka setelah berumahtangga. Ini kerana mereka berpandukan kepada hadith Rasūlullah s. 'a.w yang menyarankan agar memilih² pasangan daripada keturunan yang baik kerana sifat dan tingkah laku seseorang itu banyak diwarisi daripada keturunannya. Di samping itu juga mereka lebih suka jika ibu bapa kepada pasangan anaknya itu dapat menjadi besan yang baik.

Kesimpulannya ternyata terdapat perbezaan pemilihan kriteria utama di kalangan golongan yang disebutkan di atas. Bagaimanapun terdapat juga ciri-ciri yang sama yang menjadi pilihan utama di kalangan mereka iaitu antara golongan lelaki remaja dan dewasa di mana mereka memilih kecantikan sebagai ciri yang utama. Begitu juga dengan perempuan remaja dan dewasa di mana mereka memilih agama sebagai kriteria utama. Berlainan dengan golongan tua di mana kaum lelaki memilih agama sebagai ciri utama seperti mana pilihan golongan perempuan remaja dan dewasa. Berbeza dengan pilihan kaum perempuan, mereka mempunyai pandangan yang berlainan di mana ciri pilihan utama mereka ialah keturunan. Kriteria ini dijadikan ciri utama kerana mereka mahu menjaga dan memelihara keturunan mereka daripada mendapat penyakit keturunan seperti gila dan sebagainya.

Walaupun begitu, ini tidak bermakna golongan lain tidak mengutamakan kriteria ini tetapi mereka mempunyai alasan dan tanggapan yang tersendiri dengan memilih kriteria lain sebagai pilihan utama. Bagaimanapun ciri harta tidak diberiutamakan oleh semua golongan di atas. Ini mungkin kerana harta merupakan

Manakala kecenderungan golongan perempuan tua memilih keturunan sebagai kriteria yang utama kerana mereka berpendapat dengan memilih menantu daripada kalangan keturunan yang baik, dapat menjamin kehidupan anak-anak mereka setelah berumahtangga. Ini kerana mereka berpandukan kepada hadith Rasūlullah s. 'a.w yang menyarankan agar memilih pasangan daripada keturunan yang baik kerana sifat dan tingkah laku seseorang itu banyak diwarisi daripada keturunannya. Di samping itu juga mereka lebih suka jika ibu bapa kepada pasangan anaknya itu dapat menjadi besan yang baik.

Kesimpulannya ternyata terdapat perbezaan pemilihan kriteria utama di kalangan golongan yang disebutkan di atas. Bagaimanapun terdapat juga ciri-ciri yang sama yang menjadi pilihan utama di kalangan mereka iaitu antara golongan lelaki remaja dan dewasa di mana mereka memilih kecantikan sebagai ciri yang utama. Begitu juga dengan perempuan remaja dan dewasa di mana mereka memilih agama sebagai kriteria utama. Berlainan dengan golongan tua di mana kaum lelaki memilih agama sebagai ciri utama seperti mana pilihan golongan perempuan remaja dan dewasa. Berbeza dengan pilihan kaum perempuan, mereka mempunyai pandangan yang berlainan di mana ciri pilihan utama mereka ialah keturunan. Kriteria ini dijadikan ciri utama kerana mereka mahu menjaga dan memelihara keturunan mereka daripada mendapat penyakit keturunan seperti gila dan sebagainya.

Walaupun begitu, ini tidak bermakna golongan lain tidak mengutamakan kriteria ini tetapi mereka mempunyai alasan dan tanggapan yang tersendiri dengan memilih kriteria lain sebagai pilihan utama. Bagaimanapun ciri harta tidak diberiutamakan oleh semua golongan di atas. Ini mungkin kerana harta merupakan

sesuatu yang boleh diusahakan untuk mendapatkannya. Berbeza dengan ciri-ciri yang lain seperti kecantikan, agama dan keturunan. Jelas di sini faktor usia dan jantina merupakan unsur yang mempengaruhi pemilihan terhadap kriteria utama di kalangan mereka. Ini kerana kematangan pemikiran seseorang itu banyak dipengaruhi oleh faktor usia dan jantina.

3.3.2 Pandangan Responden Mengenai Ciri-Ciri Sampingan Yang Perlu ada Pada Bakal Suami Atau Isteri

Untuk mendapatkan gambaran yang jelas, penulis memaparkan kenyataan yang berhubung pandangan responden sebagaimana tajuk di atas dalam bentuk jadual.

Jadual 3.3.2.1 : Ciri-Ciri Sebagai Isteri

Bil	Ciri-ciri	Kategori			Jumlah
		Remaja	Dewasa	Orang tua	
1	Teguh pegangan agama	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)
2	Perwatakan menarik	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)
3	Masih gadis	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)
4	Tidak manul	140 (31.1%)	150 (33.3%)	115 (25.6%)	405 (90%)
5	Keturunan baik	120 (26.6%)	145 (32.2%)	115 (25.6%)	380 (84.4%)
6	Taat kepada suami	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)
7	Penyabar	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)
8	Bukan daripada kerabat hampir	94 (20.9%)	73 (16.2%)	50 (11.1%)	217 (48.2%)

Sumber: Borang soal selidik

Ciri-ciri yang dinyatakan di dalam jadual di atas adalah ciri sampingan yang perlu wujud di dalam diri seseorang isteri selain empat ciri asas yang telah dibincangkan sebelum ini.

Mengikut jadual di atas, kesemua responden 450 orang (100%) bersetuju dengan ciri pertama iaitu mempunyai pegangan agama yang teguh, begitu juga dengan ciri kedua iaitu mempunyai rupa paras yang cantik, masih perawan atau dara, mentaati suami dan bersifat penyabar. Manakala seramai 405 orang (90%) bersetuju dengan ciri wanita yang tidak mandul, 380 orang (84.4%) memilih ciri keturunan yang baik dan 217 orang (48.8%) memilih ciri keturunan atau kerabat yang jauh.

Perbezaan pandangan ini bukan bermakna mereka tidak bersetuju atau tidak mengetahui sebab atau kepentingan ciri-ciri lain tetapi mungkin kerana terlupa untuk memilih ciri-ciri tersebut kerana lebih memberikan tumpuan kepada ciri-ciri yang dirasakan lebih penting sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Jadual 3.3.2.2 : Pendapat responden Berhubung Ciri-Ciri Suami

Bil	Ciri-ciri	Kategori			Jumlah
		Remaja Perempuan	Dewasa Perempuan	Orang Tua Perempuan	
1	Bertanggungjawab	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)
2	Pemaaf	60 (13.3%)	68 (15.1%)	90 (20%)	218 (48.4%)
3	Berhemat & cermat	130 (28.9%)	150 (33.3%)	113 (25.1%)	393 (87.3%)
4	Bersifat tenang	140 (31.1%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	415 (92.2%)
5	Penyayang	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)
6	Penyabar	155 (34.4%)	150 (33.3%)	105 (23.3%)	410 (91.1%)
7	Berkepimpinan	175 (38.9%)	160 (35.5%)	115 (25.6%)	450 (100%)

Sumber: Borang soal selidik

Merujuk jadual di atas, kesemua responden iaitu 450 orang (100%) memilih ciri suami yang bertanggungjawab, penyayang dan kepimpinan. Ciri-ciri lain seperti pamaaf 218 orang (48.4%), berhemat dan cermat 393 orang (87.3%), bersifat tenang 415 orang (92.2%) dan penyabar 410 orang (91.1%).

Kenyataan tersebut memberi gambaran bahawa semua responden bersependapat bahawa seorang suami perlu memiliki ciri-ciri penting seperti bertanggungjawab, penyayang dan berkepimpinan. Terdapat lagi ciri-ciri lain seperti pamaaf, berhemat dan cermat, bersikap tenang serta penyabar. Bagaimanapun ciri-ciri ini tidak menjadi tumpuan utama mereka. Namun begitu responden dari golongan dewasa dan tua bersependapat dalam menentukan satu lagi ciri lain yang perlu dimiliki sebagai suami iaitu bersikap tenang, sekaligus menjadikan empat ciri yang perlu dimiliki sebagai seorang suami.

3.3.3 Faktor Sampingan Yang Mempengaruhi Pemilihan Pasangan

Jadual 3.3.3.1: Pandangan Responden Berhubung faktor Sampingan dalam Pemilihan Pasangan

Bil	Faktor-faktor	Remaja		Dewasa		Gol. Tua		Jumlah
		L	P	L	P	L	P	
1	Pendidikan setaraf	57 12.7	79 17.5	45 10	2 13.8	21 4.7	19 4.2	283 (62.9%)
2	Persamaan kerjaya	49 10.9	78 17.3	52 11.6	65 14.4	26 5.8	25 5.6	295 (65.5%)
3	Umur sebaya	85 18.9	90 20	70 15.6	90 20	55 12.2	60 13.3	450 (100%)
4	Persamaan taraf hidup	53 11.7	65 14.4	45 10	47 10.4	35 7.8	38 8.4	283 (62.9%)
5	Persamaan pangkat keturunan	25 5.6	30 6.7	53 11.8	58 12.9	36 8	47 10.4	249 (55.3%)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan seramai 283 orang berpendapat bahawa faktor pendidikan mesti dijadikan kayu ukur dalam menentukan pasangan. Manakala 295 orang pula menyatakan persamaan kerjaya penting dalam memilih pasangan. Diikuti 450 orang berpendapat umur sebaya perlu diambil kira serta 283 orang menyatakan persamaan taraf hidup juga perlu dan 249 orang beranggapan bahawa faktor persamaan pangkat keturunan juga wajar dibuat pertimbangan.

Jelasnya semua golongan responden mengambil kira kelima-lima faktor sampingan ini dalam membuat pemilihan pasangan. Jika ditinjau tentang pandangan mereka terhadap faktor-faktor tersebut di dapati semua responden memilih faktor umur kemudian diikuti dengan persamaan kerjaya, taraf pendidikan dan kehidupan yang setaraf serta persamaan pangkat keturunan seperti memilih pasangan dari keturunan Syed, Tengku, Wan dan sebagainya.

Responden merasakan perbezaan umur yang tidak terlalu ketara¹ adalah penting dalam menentukan pasangan hidup kerana dengan usia yang sebaya memudahkan mereka memahami pasangannya dan membolehkan mereka menjalankan hubungan komunikasi dengan baik. Namun begitu ini bukan bermakna jarak usia yang jauh boleh menghalang dari menjalani kehidupan berumahtangga dengan harmoni tetapi perbezaan dari sudut citarasa, pemikiran, sifat dan sebagainya mungkin boleh menjejaskan hubungan di antara mereka. Faktor-faktor ini boleh mendatangkan masalah yang besar dalam rumahtangga jika pasangan tersebut tidak sama-sama saling memahami perasaan kedua-dua belah pihak. Oleh kerana itu semua responden bersependapat dengan faktor tersebut.

¹Jarak usia yang tidak melebihi 5 tahun ke atas.

Di samping itu, faktor kerjaya juga dianggap penting bagi memilih pasangan yang sesuai. Maksud persamaan kerjaya di sini ialah kerjaya kedua-dua pasangan tidak jauh berbeza dari sudut profesionalisme dan juga waktu kerja. Contohnya suami bekerja sebagai guru dan isteri pula bekerja sebagai doktor. Perbezaan kerjaya yang ketara di antara dua kerjaya ini ialah waktu kerja. Dimana waktu kerja bagi seorang guru ialah separuh hari sementara kerjaya sebagai doktor pula mempunyai waktu kerja yang tidak menentu. Waktu kerja yang berbeza ini boleh menjejaskan perhubungan di antara suami isteri. Keadaan ini berlaku sekiranya mereka tidak saling memahami antara satu sama lain.

Manakala persamaan pendidikan dan taraf hidup juga perlu dipertimbangkan dalam memilih pasangan. Maksud persamaan pendidikan di sini ialah mempunyai tahap pendidikan yang sama misalnya kedua-dua pasangan tersebut berpendidikan tinggi atau mempunyai tahap keilmuan yang sama. Pendapat ini biasanya dipersetujui oleh golongan yang berpendidikan sebaliknya golongan yang tidak berpendidikan tidak begitu mengambil berat akan hal ini.

Persamaan taraf hidup pula bermaksud taraf hidup antara kedua-dua pasangan itu tidak terlalu ketara. Misalnya seorang terlalu kaya dan seorang lagi terlalu miskin. Masalah ini lebih rumit lagi sekiranya pihak perempuan lebih kaya daripada pihak lelaki. Disebabkan sentiasa hidup di dalam kemewahan dikhuatiri mereka sukar untuk menyesuaikan diri. Berlainan pula kalau lelaki itu berharta atau kaya kerana menjadi tanggungjawab suami memberi nafkah kepada isteri. Sebab itulah lelaki mesti mempunyai harta dan kerjaya bagi menanggung isteri dan anak-anaknya.

Kesimpulannya, faktor pemilihan pasangan bukan sahaja terbatas kepada ciri-ciri yang dianjurkan seperti mana di atas tetapi terdapat faktor sampingan yang lain yang perlu diambil kira bagi mencari pasangan yang benar-benar sesuai.

3.3.4 Pautangan Responden Tentang Kepentingan Pemilihan Pasangan

Jadual 3.3.1 : Pendapat Responden Tentang Kepentingan Pemilihan Pasangan

Bil	Kategori Responden	Pendapat			Jumlah (Peratus)
		Penting	Kurang Penting	Tidak Penting	
1	Remaja	149 (85.1%)	21 (12%)	5 (2.9%)	175 (100%)
2	Dewasa	160 (100%)	0	0	160 (100%)
3	Orang tua	115 (100%)	0	0	115 (100%)
	JUMLAH	424 (94.2%)	21 (4.7%)	5 (1.1%)	450 (100%)

Sumber : ~~Borang~~ soal selidik

Hasil daripada soalan kaji selidik, penulis dapat merumuskan bahawa kesemua responden berpendapat memilih pasangan adalah penting bagi mendapat suami atau isteri yang mempunyai ciri-ciri yang sepatutnya mereka miliki.

Bagi golongan remaja, tidak semua di kalangan mereka yang merasakan pemilihan pasangan adalah perkara yang penting. Bagaimanapun lebih daripada 80% responden bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Kesimpulannya semua responden memahami tentang kepentingan pemilihan pasangan. Ini bererti ia merupakan sesuatu yang perlu dilakukan untuk mendapat

pasangan hidup yang sesuai dan berpuas hati dengan ciri-ciri yang dimiliki sebagai suami atau isteri.

Jadual 3.3.4.2 : Tujuan pemilihan Pasangan

Bil	Tujuan Pemilihan	Bil Orang	Peratus
1	Pasangan sepadan (serasi)	450	(100%)
2	Ciri-ciri isteri solehah / suami soleh	450	(100%)
3	Mengikut tuntutan Islam	450	(100%)

Sumber: Borang soal selidik

Berkenaan dengan tujuan pemilihan pasangan, semua responden berpendapat antara tujuan utama ialah untuk mencari pasangan yang sepadan atau serasi dan mempunyai ciri-ciri suami yang soleh (baik) atau isteri yang *salehah*. Dan memilih pasangan berdasarkan ciri-ciri yang dituntut oleh Islam.

Kesimpulannya semua responden mengetahui dan memahami tujuan pemilihan pasangan mengikut garis panduan yang dinyatakan oleh baginda Rasūlullah s.a.w.

3.3.5 Tanggung jawab Menentukan Pilihan

Jadual 3.3.5.1 : Kuasa Menentukan pilihan

Bil	Kategori	Diri Sendiri		Ibubapa		Jumlah (Peratus)
		L	P	L	P	
1	Remaja	60 (13.3%)	43 (9.6%)	25 (5.6%)	47 (10.4%)	175 (38.9%)
2	Dewasa	68 (15.1%)	55 (12.2%)	2 (0.4%)	35 (7.8%)	160 (35.6%)
3	Orang Tua	23 (5.1%)	9 (2.0%)	32 (7.1%)	51 (11.3%)	115 (25.5%)
	JUMLAH	151 (33.5%)	107 (23.8%)	59 (13.1%)	133 (29.6%)	450 (100%)

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan jadual di atas, penulis cuba untuk mendapatkan pandangan responden berkenaan hak atau kuasa dalam membuat pemilihan pasangan. Daripada maklumat tersebut seramai 151 orang (33.5%) yang terdiri daripada golongan lelaki samada remaja, dewasa atau orang tua merupakan golongan yang paling ramai bersetuju bahawa setiap orang berhak membuat pilihan sendiri. Ini kerana Islam sendiri memberikan kuasa penuh kepada mereka untuk membuat pilihan di samping meminta pandangan dan persetujuan daripada kedua ibubapa.

Sementara itu seramai 133 orang (29.6%) yang terdiri daripada golongan perempuan baik remaja, dewasa mahupun orang tua berpendapat kuasa pemilihan adalah terletak kepada pilihan ibubapa. Ini bukan bermakna mereka tidak mempunyai kuasa langsung dalam menentukan pasangan hidup mereka tetapi mestilah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada ibubapa.

3.4 Laporan Penyelidikan Temubual

3.4.1 Pandangan Responden Berhubung Konsep Pemilihan Pasangan

Hasil dari temubual dengan beberapa orang responden, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa hampir semua daripada mereka dapat memahami dan memberikan penjelasan dengan baik berkenaan konsep pemilihan.

Penulis sempat menemubual seorang responden untuk mendapat maklumat berkenaan konsep pemilihan mengikut pandangannya. Menurut beliau konsep pemilihan yang beliau fahami ialah kebebasan memilih tidak kira lelaki atau perempuan. Kedua-dua golongan ini berhak untuk menentukan jodoh masing-masing tetapi mesti bersedia menanggung risiko yang bakal diterima hasil daripada ciri pilihan yang dibuat. Begitu juga tentang hak memilih. Bagi beliau tidak wujud istilah perigi mencari timba di dalam Islam. Malah Islam amat menggalakkan perkahwinan di atas dasar yang betul sepertimana yang dinyatakan oleh Rasūlullah ṣ. 'a. w.²

Daripada kenyataan beliau, penulis dapat merumuskan bahawa konsep pemilihan yang beliau fahami adalah mengikut kriteria-kriteria asas yang digariskan oleh baginda Rasūlullah ṣ. 'a. w. seperti kecantikan, keturunan, harta dan agama iaitu merujuk kepada hadith baginda.

Beliau berpendapat bahawa agama mestilah dijadikan asas kepada pemilihan pasangan. Ini kerana orang yang memahami agama sudah tentu memahami

² Temubual Wan Ahmad Zakri bin Wan Kamaruddin, Pengetua Sekolah Menengah Agama Intiaz, Kota Putera, Besut, Terengganu, 23 hb. Oktober 2002.

tanggungjawab yang dipikulnya iaitu sebagai hamba Allah, suami, isteri, bapa, ibu, anak dan sebagainya.

Dengan memahami tanggungjawab sebagai suami atau isteri, seseorang itu akan melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Sebagai suami, dia berkewajipan mencari rezeki, menyediakan tempat perlindungan, memenuh keperluan rumahtangga serta menjadi pelindung kepada isteri dan anak-anaknya. Begitu juga dengan isteri, tanggungjawabnya lebih kepada mengurus keperluan suami, anak-anak dan rumahtangganya. Di samping itu, responden turut menyatakan bahawa selain menjaga hubungan diantara suami dan isteri, setiap pasangan perlu menjalinkan hubungan kekeluargaan dengan kedua-dua belah pihak samada keluarga suami atau isteri.

Daripada pendapat yang dikemukakan oleh responden, penulis dapat merumuskan bahawa sebilangan besar masyarakat Besut memahami konsep pemilihan pasangan sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Namun begitu penulis beranggapan hanya kefahaman tentang konsep pemilihan belum tentu dapat dipastikan mereka melaksanakan sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Ini kerana kefahaman mereka mungkin disebabkan oleh pengalaman, realiti yang berlaku atau sebab-sebab logik sahaja bukan berdasarkan kepada ilmu agama yang mantap.

3.4.2 Kaedah Pemilihan Pasangan Yang Masih Diamalkan Di Dalam Masyarakat Besut

Penulis turut membuat kajian berhubung kaedah pemilihan pasangan yang biasanya diamalkan dalam masyarakat Islam di Besut. Selain dari kaedah merisik masih terdapat amalan lain yang diamalkan oleh sebilangan kecil masyarakat Islam Besut. Kaedah yang dimaksudkan ialah dengan meminta bantuan bomoh atau dukun untuk menentukan pasangan yang sesuai berdasarkan kaedah yang dinamakan 'rasi'.

Bagi mendapat data dan maklumat yang tepat, penulis telah menemubual seorang bomoh dan juga bidan yang berada di sekitar daerah Besut. Daripada kenyataan yang diberikan ternyata masih terdapat lagi orang-orang yang mempercayai amalan tersebut. Amalan ini biasanya dilakukan oleh mereka yang kurang memahami ilmu agama khususnya yang berhubung dengan perkara *khurafat* seperti amalan tersebut.

Menurut bidan yang ditemui, cara untuk merasi pasangan ialah dengan menilik ejaan nama kedua pasangan berdasarkan huruf jawi dan beberapa cara lagi. Mengikut kata beliau kaedah ini sebenarnya berasal daripada Palembang, Indonesia. Tujuannya adalah untuk menentukan kesesuaian di antara pasangan dalam beberapa sudut. Antaranya untuk mengetahui perbezaan sifat serta perangai dan sebagainya.³

Kesimpulannya seseorang itu akan melakukan apa sahaja untuk mencapai hasrat dan kepuasan hati walaupun cara tersebut mungkin menjejaskan akidah dan

Temubual Ma Zainon, Bidan dan Bomoh, Kampung Seberang Jerneh, Besut. 2 April 2000.

kepercayaan kepada Allah. Perkara ini berlaku disebabkan mereka mempunyai kefahaman yang cetek tentang agama. Namun begitu penulis mengharapkan agar amalan ini tidak lagi digunakan oleh masyarakat Islam hari ini. Amalan ini akan dapat dihapuskan sekiranya ahli-ahli dalam bidang agama memainkan peranan mereka dengan memberikan penerangan dan penjelasan yang betul berhubung cara pemilihan yang dituntut oleh Islam.

3.4.3 Faktor Sampingan Lain Yang Mempengaruhi Pemilihan Pasangan

Selain faktor sampingan seperti pendidikan setaraf, persamaan kerjaya, umur sebaya, persamaan taraf hidup dan persamaan pangkat keturunan, terdapat beberapa faktor sampingan lain yang turut mempengaruhi sebilangan besar masyarakat Islam di Besut. Faktor-faktor tersebut ialah :

a) Faktor Politik

Faktor politik turut mempengaruhi pemilihan pasangan di kalangan masyarakat di daerah ini. Biasanya golongan tua atau ibubapa yang lebih menitik beratkan faktor ini berbanding golongan remaja dan dewasa. Ini mungkin disebabkan golongan tersebut terlalu ghairah berpolitik atau taksub kepada satu-satu parti politik. Oleh itu mereka merasakan persefahaman dalam politik boleh membawa kepada persefahaman dalam rumahtangga.

b) Faktor Kenegerian

Daripada temubual dan pemerhatian, penulis mendapati selain daripada faktor politik, faktor kenegerian turut diambil kira oleh sebahagian masyarakat di Besut. Lazimnya golongan ibubapa lebih mengharapkan anak-anak mereka memilih pasangan yang tinggal dalam daerah atau negeri yang sama. Maksudnya jarak tempat tinggal antara kedua-dua belah pihak tidak terlalu jauh. Ini disebabkan mereka berpendapat jarak yang jauh menyukarkan urusan yang berkaitan dengan hubungan kekeluargaan. Contohnya apabila anggota keluarga ditimpa musibah seperti sakit, kemalangan atau kematian, berita mengenainya lambat diterima dan memakan masa yang agak lama untuk pasangan tersebut pulang ke kampungnya.

Bagaimanapun bagi golongan remaja dan dewasa, mereka tidak terlalu mengambil kira faktor tersebut. Ini mungkin disebabkan faktor pekerjaan yang menyebabkan mereka sentiasa tinggal berasingan daripada keluarga dan terdapat juga di kalangan mereka yang mendapat pasangan di tempat mereka bekerja. Ini bukan berarti mereka tidak mementingkan faktor yang dinyatakan sebaliknya mereka lebih mementingkan kerjaya untuk membina keluarga yang sempurna dan membantu keluarga mereka.

Melihat kepada dua faktor di atas, dapat dirumuskan bahawa selain kriteria-kriteria yang disebutkan sebelum ini terdapat kriteria atau faktor lain yang turut mempengaruhi soal pemilihan pasangan. Kedua-dua faktor sampingan tersebut mempunyai kelebihannya yang tersendiri. Persamaan dari sudut pegangan politik misalnya dapat mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua belah pihak

(keluarga). Begitu juga faktor kenegerian, dimana pasangan tersebut lebih mudah untuk sentiasa menziarahi serta membantu keluarga.

3.5 Aktiviti Keagamaan Yang Berhubung Dengan Pembinaan Rumahtangga.

Jadual 3.5.1 : Aktiviti-aktiviti keagamaan yang dijalankan di masjid-masjid

Bil	Nama Masjid	Hari	Masa	Program
1	Masjid Besar Kg Raja	Selasa & Khamis	Malam Pagi	Kuliah Agama
2	Masjid Besar Jertih	Isnin & Jumaat	Malam Pagi	Kuliah Agama
3	Masjid Besar Padang Luas	Khamis & Jumaat	Malam	Kuliah Mingguan
4	Masjid Besar Gong Kemunting	Isnin & Jumaat	Malam	Kuliah Mingguan

Sumber : Ahli Jawatankuasa Masjid

Jadual di atas menunjukkan contoh kuliah agama yang dijalankan di Masjid Besar di daerah Besut. Sepertimana yang dinyatakan di atas, setiap masjid mempunyai aktiviti tertentu bagi memberi pengajaran kepada ahli jemaah untuk lebih mendalami agama Islam. Kuliah yang dibuat biasanya menyentuh semua ilmu agama yang bersangkutan dengan ilmu *Tafsir*, *hadith*, *Tawhid* dan *Fiqh*. Berkenaan dengan ilmu *Fiqh* ini ianya turut menyentuh tentang pembinaan rumahtangga dan keluarga. Ini secara tidak langsung turut menyentuh perihal kepentingan perkahwinan, cara memilih pasangan dan sebagainya. Kuliah ini dikendalikan oleh tokoh agama yang berkualiti dan berpengalaman.

Dalam pada itu juga pihak majlis Agama Islam negeri juga turut memainkan peranannya dalam membantu masyarakat Islam supaya dapat memahami kepentingan

membina institusi keluarga berlandaskan dasar yang dituntut oleh Islam. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 3.5.2 : Kursus Anjuran Majlis Agama Islam Daerah Besut

Bil	Program	Tempat	Hari / Masa
1	Kursus Perkahwinan	Dewan Majlis Agama	Jumaat & Sabtu
2	Forum Agama	Masjid Besar di Daerah Besut	Pagi & Petang
3	Kuliah agama	Kampung-Kampung di daerah Besut	Pagi & Petang

Sumber : Majlis Agama Islam Besut

Kursus perkahwinan adalah menjadi pra syarat kepada setiap pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga. Tujuannya ialah bagi memastikan pasangan tersebut benar-benar memahami serta mengetahui tanggungjawab masing-masing setelah bergelar suami atau isteri. Disamping itu juga untuk memberi pendedahan kepada mereka bagaiman corak pemilihan pasangan yang betul dan ciri-ciri yang perlu ada pada setiap pasangan. Walaupun kursus ini hanya dijalankan selama dua hari tetapi banyak sudah memadai daripada tiada pendedahan langsung kepada mereka.

Antara lain pihak majlis agama juga turut mengadakan forum ataupun ceramah agama di masjid-masjid Besar kerajaan dan persendirian dengan menghantar beberapa orang wakil bagi sesebuah tempat mengikut jadual yang dibuat oleh pihaknya berdasarkan kepentingan sesuatu tempat. Contohnya ceramah agama kerap dilakukan di kawasan luar bandar seperti kawasan hulu atau kawasan perkampungan pantai di mana penduduk di situ boleh dikatakan amat jahil tentang agama. Oleh

sebab itu tidak hairanlah banyak berlaku gejala sosial dikalangan remaja yang berasal daripada kawasan tersebut. Ceramah yang dibuat biasanya memberi pendedahan dan pengajaran tentang ibadah dan juga *muamalat* seperti masalah membentuk keluarga, pendidikan anak-anak dan sebagainya.

3.6.1 Penilaian Penulis Terhadap Pemahaman Dan Pelaksanaan Masyarakat Islam Di Besut Berhubung Pemilihan Pasangan Menurut Islam

Selain daripada kajian berbentuk edaran borang soal selidik dan temuramah dengan responden, penulis turut membuat tinjauan dan pemerhatian berkaitan isu pemilihan pasangan di kalangan masyarakat Islam khususnya di Besut. Hasil daripada tinjauan tersebut, penulis dapat membuat penilaian bahawa hampir kesemua masyarakat Islam di daerah ini memahaminya. Bagaimanapun dari sudut berlaksanaannya, masih ramai yang kurang memberi perhatian dan mengambil berat berkenaan masalah ini. Kemungkinan ianya berlaku disebabkan oleh pengaruh persekitaran dan perubahan arus kehidupan yang semakin maju. Kini aspek material semakin diutamakan disebabkan taraf hidup sekarang yang semakin tinggi dan bagi memenuhi keperluan hidup yang semakin mencabar.

Justeru itu tidak hairanlah kebanyakan mereka kurang mengambil kira berhubung dengan aspek spritual iaitu sifat dalaman seperti kefahaman dan pegangan agama yang mantap, akhlak yang baik serta budi pekerti yang mulia. Berbeza dengan orak pemilihan pasangan pada masa dahulu, di mana pemilihan lebih menekankan

kepada aspek agama seperti pengantin mestilah khatam al-Quran, tahu menunaikan sembahyang dengan sempurna serta mempunyai akhlak yang baik.

Selain itu corak pemilihan pasangan juga banyak ditentukan oleh ibu bapa, lebih-lebih lagi bagi pihak perempuan. Ini bukan bermakna anak perempuan itu tidak berhak membuat pilihannya sendiri tetapi mungkin disebabkan adat serta nilai kehidupan masyarakat yang diamalkan. Situasi kehidupan pada masa itu membataskan pergaulan antara lelaki dengan perempuan dimana hanya anak lelaki sahaja diberi kebebasan untuk menguruskan kehidupannya sendiri samada dalam soal menuntut ilmu, bekerja, memilih pasangan hidup dan sebagainya. Manakala anak perempuan pula tidak diberi kebebasan sedemikian dan hanya layak untuk berada di rumah bagi menguruskan rumahtangga.

Kesimpulannya sekadar memahami sesuatu perkara belum tentu membuatkan seseorang itu melaksanakan apa yang difahami. Sebenarnya pelaksanaan terhadap sesuatu perkara itu bergantung kepada kesedarannya mengenai kepentingan perkara tersebut. Berbalik kepada soal pemilihan pasangan, semua orang didapati mengetahui dan memahami kepentingan memilih pasangan menurut ciri-ciri yang dianjurkan oleh Islam tetapi disebabkan tiada kesedaran maka perlaksananya adalah kurang memberangsangkan dan tidak mengambil perhatian yang sewajarnya. Jelas bahawa kefahaman yang tidak disertai dengan rasa kesedaran pasti menyebabkan sesuatu perkara yang dilakukan tidak akan mencapai matlamat dan tujuan sebenar.


3.7 Penilaian Penulis Terhadap Tahap Kerukunan Rumahtangga Di Dalam Masyarakat Besut.

Hasil daripada kajian yang dilakukan, penulis dapat merumuskan bahawa hubungan kekeluargaan (suami dan isteri) di kalangan masyarakat Besut boleh dikatakan berada pada tahap yang baik. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor misalnya faktor agama dan adat. Faktor agama di sini membawa maksud memiliki ilmu dan pengetahuan yang agak tinggi dalam bidang agama. Manakala faktor adat pula ialah kebiasaannya dalam masyarakat Melayu yang kaya dengan adat ketimuran ibubapa sentiasa memberi penekanan kepada anak-anak mereka yang akan berumahtangga supaya mentaati suami sebaik mungkin. Di samping itu mereka turut menunjukkan contoh yang baik di dalam perhubungan suami dan isteri.

Sehubungan itu berdasarkan perangkaan yang dibuat oleh Majlis Agama Daerah Besut pada tahun 1998 iaitu daripada Januari hingga Jun, sebanyak 666 perkahwinan yang didaftarkan. Manakala kes perceraian yang didaftarkan hanya 96 kes sahaja. Ini bermakna dalam masa enam bulan kadar keruntuhan rumahtangga amat kecil.

Rajah 3.7.1 : Kadar Perkahwinan Dan Perceraian Di Daerah Besut Bagi Bulan Januari – Jun 2001

Jumlah Perkahwinan dan perceraian



Kenyataan tersebut turut dibuat oleh pegawai agama daerah Besut iaitu Ustazah Che' Rahimah. Katanya lagi kebanyakan aduan yang diterima adalah daripada kalangan penduduk luar bandar yang mempunyai pendidikan yang rendah dan kurang berpengetahuan dalam bidang agama.⁴

Antara aduan yang dibuat oleh pihak isteri ialah kerana tiada persefahaman antara pasangan, poligami, ditinggal suami tanpa cerai, penderaan terhadap isteri, pengabaian tanggungjawab dan sebagainya. Manakala aduan di pihak suami pula ialah campur tangan keluarga, masalah seksual, masalah kewangan, isteri ingkar dan lain-lain lagi.

Temubual Ustazah Che' Rahimah, Pegawai Pejabat Agama Daerah Besut, 19 hb. November 1998.

Selain itu bagi melihat sejauh mana faktor agama mempengaruhi hubungan antara suami isteri dan anak-anak, penulis telah melakukan kajian terhadap 20 buah keluarga dimana separuh daripadanya merupakan keluarga yang mempunyai pegangan agama yang kuat dan separuh lagi sebaliknya. Didapati keluarga yang berpegang kuat pada ajaran agama mempunyai hubungan suami dan isteri serta anak-anak yang lebih baik berbanding keluarga yang mempunyai pegangan agama yang agak longgar.

Kesimpulannya, kerukunan rumahtangga bagi kebanyakan masyarakat Besut pada hari ini adalah berada pada tahap yang memuaskan. Buktinya ialah daerah ini mempunyai tahap perceraian yang terendah. Selain itu tahap pengetahuan penduduknya yang agak tinggi dalam bidang agama merupakan antara faktor yang menyumbang kepada pengukuhan ikatan perkahwinan yang dibina.